

11 APR 1996

Mahathir-IOC

JANGAN TERIMA KEBEBASAN ALA IOC, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 11 April (Bernama) -- Persatuan-persatuan sukan kebangsaan tidak seharusnya berpegang kepada konsep kebebasan seperti yang disarankan oleh Jawankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) dan perlu menerima hakikat bahawa kerajaan mempunyai peranan yang sama dalam pembangunan sukan negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata peraturan IOC bahawa badan-badan sukan perlu bebas daripada campur tangan mana-mana pihak termasuk pengaruh atau tekanan politik tidak relevan lagi di negara ini.

"Saya sendiri kadang-kadang kurang faham dengan sikap setengah-setengah pihak yang menerajui dan memimpin sukan. Pada satu pihak mereka mahu kebebasan, namun pada pihak yang lain pula mereka meminta bantuan kerajaan sepenuhnya seolah-olah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membantu mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Sukan Kebangsaan di sini. Yang turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Aroff.

Beliau berkata kerajaan menyedari perlunya peraturan yang ditentukan oleh IOC dipatuhi umpamanya tentang siapa yang berkuasa untuk mengurus sukan.

Namun begitu, katanya, sukan perlu dilihat daripada perspektif rakyat negara ini sendiri dan bukan dengan membuta tuli mengikut apa yang orang lain buat.

Beliau yakin kebanyakan persatuan sukan akan lumpuh atau hampir lumpuh sekiranya kerajaan tidak memberi bantuan kewangan atau membantu mencarikan penaja masing-masing.

"Saya tidak percaya pihak IOC akan datang membantu persatuan-persatuan sukan negara ini dalam usaha memajukan diri masing-masing. Saya juga tidak percaya mereka begitu prihatin terhadap prestasi atlit negara pada Sukan Olimpik," kata beliau.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudiannya, Perdana Menteri berkata IOC tidak akan menolong menentukan kejayaan sukan di negara ini, sebaliknya hanya membuat peraturan dan menentukan sesiapa yang bertanggungjawab.

Katanya, sukan merupakan satu landasan untuk menyatupadukan rakyat dan kerajaan akan terus memainkan peranannya bagi menjayakan matlamat itu.

Beliau berkata kerajaan akan terus memainkan peranan khususnya dalam membina infrastruktur dan melaksanakan program yang sesuai.

Apabila diminta pendapatnya mengenai peluang negara pada kejohanan Piala Thomas bulan depan, Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai peluang untuk merampas kembali piala itu yang kali terakhir dimenangi pada 1992.

"Yang penting semangat atlit. Tapi masalahnya, awal-awal lagi kata tidak boleh menang...baru ketinggalan dua atau tiga mata, dah mengaku kalah pada hal atlit negara lain ketinggalan sampai 13 mata pun boleh lawan balik," katanya.

"Itulah semangat yang kita hendak. Tapi orang kita percaya hantu...ada yang awal-awal takut kononnya pihak lawan guna pujalah, kemenyanlah untuk lemahkan lawan," kata Dr Mahathir.

Menurut beliau, ini merupakan perang psikologi dan sepatutnya pemain-pemain negara mempunyai mental yang kuat untuk melemahkan pihak lawan dan bukannya terpedaya atau patah semangat oleh pelbagai strategi dan taktik psikologi lawan.

-- BERNAMA

AR NMO

